



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **WALKABOUT KETUA PENGARAH PENGUAT KUASA KPDN MENINJAU PELAKSANAAN OPS PANTAU 2024**

**PUTRAJAYA, 24 MAC 2024 –** YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah mengadakan *walkabout* pemantauan harga barang bagi meninjau pelaksanaan OPS PANTAU 2024 di Bazar Aidilfitri, Presint 3 Putrajaya hari ini. Turut hadir di dalam *walkabout* kali ini adalah pegawai-pegawai kanan penguat kuasa Kementerian dan pegawai kanan Perbadanan Putrajaya.

KPDN telah menggerakkan lebih kurang 2,200 orang pegawai penguat kuasa di seluruh negara bagi melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri menerusi OPS PANTAU 2024. OPS PANTAU 2024 yang dilancarkan bermula 12 Mac 2024 bertujuan untuk memastikan pematuhan oleh peniaga sepanjang bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri ke atas undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian selain memastikan perdagangan domestik terus berkembang pesat dengan perlindungan yang lebih efektif ke atas pengguna.

Penguatkuasaan ini dijalankan secara berfokus di seluruh negara dengan lokasi tumpuan pengguna seperti Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, kedai runcit dan aktiviti penjualan secara dalam talian.

Berdasarkan statistik OPS PANTAU 2024 dari 12 Mac 2024 hingga 23 Mac 2024, sebanyak 20,854 premis telah diperiksa di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 84 kes telah dihasilkan atas pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan sebanyak RM414,319.07. Sejumlah 685 pemeriksaan di Bazar Aidilfitri telah dilaksanakan di seluruh negara sejak OPS PANTAU 2024 dilancarkan. Manakala sebanyak 623 aduan oleh pengguna juga telah diterima dalam tempoh yang sama melibatkan pelbagai kategori aduan. Antara kesalahan yang diambil tindakan meliputi kegagalan meletakkan tanda harga, tidak menggunakan alat timbang yang sah dan menjual barang-barang tiruan.

KPDN ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar terus mematuhi segala perundangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan terutamanya sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas.

Pengguna juga dinasihatkan agar sentiasa berjimat-cermat dan merancang perbelanjaan bagi mengelakkan daripada dimanipulasi oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab terutamanya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini selain mengelakkan pembaziran sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku oleh peniaga berhubung perkara di atas boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp iaitu 019-848 8000 / 019-279 4317;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN; dan
- v. Pusat Arahan Penguinkuasaan (ECC) : 03-8882 6245 / 6088.

**DATUK AZMAN BIN ADAM**

Ketua Pengarah Penguinkuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

###